

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

CADANGAN MEMBINA DAN MENGURUSKAN KOMPLEKS SUKAN DAN PADANG BOLA SEPAK SINTETIK SERTA GELANGGANG PICKLEBALL SERTA KEMUDAHAN BERKAITAN DI PADANG UNIVERSITI ISLAM MELAKA (UNIMEL) SECARA BINA DAN URUS SELENGGARA

1.0 PENGENALAN

UNIMEL sedang mencari cadangan daripada firma berpengalaman dan berkeelayakan untuk menguruskan padang bola sepak universiti dan kompleks sukan bagi memberi kemudahan kepada penuntut universiti, kakitangan universiti serta orang luar. Pemenang bidaan akan bertanggungjawab untuk pengendalian harian, penyelenggaraan, dan program kompleks dan padang bola tersebut.

2.0 LATAR BELAKANG

UNIMEL adalah sebuah universiti yang terletak di Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah, Melaka. UNIMEL sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang dimiliki oleh kerajaan Negeri Melaka dan berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Buat masa ini, UNIMEL mempunyai seramai 3,500 pelajar dan 313 kakitangan.

3.0 SKOP KERJA

Skop kerja termasuk :

- i. Penyelenggaraan dan pemeliharaan harian padang bola sepak dan kompleks sukan, termasuk pemotongan rumput, penyiraman, dan penandaan padang.
- ii. Pengurusan fasiliti, termasuk penjadualan perlawanan, latihan, dan acara.
- iii. Pemasaran dan promosi fasiliti untuk menarik pengguna baru dan meningkatkan pendapatan.
- iv. Pelaksanaan pelan penyelenggaraan untuk memastikan kelestarian jangka panjang fasiliti.
- v. Perbelanjaan dan pengurusan kewangan operasi.

4.0 TEMPOH KONTRAK

Cadangan tempoh kontrak adalah selama 10 + 10 tahun berdasarkan pelaburan modal pembida.

5.0 LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah diwajibkan bagi memudahkan pihak pembida mendapat gambaran yang sebenar bagi menyediakan RFP dengan tepat.

Lawatan tapak dan taklimat akan diadakan 8 Disember 2025, jam 10.30 pagi.

6.0 KEPERLUAN CADANGAN

Syarikat yang berminat perlu mengemukakan cadangan yang terperinci yang merangkumi maklumat berikut:

- i. Latar belakang syarikat dan pengalaman dalam menguruskan fasiliti sukan.
- ii. Pelan pengurusan yang dicadangkan bagi padang bola sepak dan kompleks sukan.
- iii. Perbelanjaan dan harga untuk perkhidmatan yang dicadangkan, termasuk peluang pendapatan tambahan.
- iv. Rujukan daripada pelanggan sebelum ini.
- v. Perkhidmatan tambahan atau idea yang boleh menambah baik pengurusan fasiliti.
- vi. Profil syarikat dengan bukti sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman.
- vii. Salinan SSM.
- viii. 3 bulan penyata bank yang terkini.
- ix. Lain-lain dokumen yang berkaitan dan menyokong RFP.
- x. Gambaran Perspektif serta layout dan spesifikasi yang sesuai.
- xi. Anggaran Pelaburan & Unjuran Pendapatan
- xii. Cadangan Fasiliti dan tempoh pelaksanaan.
- xiii. Cadangan bayaran balik sama ada dalam bentuk :-
 - a. Sewa
 - b. Pengkongsian keuntungan
 - c. Secara hybrid (Sewa tetap + perkongsian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak)
 - d. Lain-lain

7.0 PENGHANTARAN CADANGAN

Cadangan ini perlu dihantar secara serahan tangan dengan menggunakan sampul surat selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari pada 12 Disember 2025 ke alamat seperti di bawah :

Bahagian Pembangunan Perniagaan,
Pejabat Timbalan Naib Canselor Pengurusan Institusi,
Universiti Islam Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru,
78200 Masjid Tanah, Melaka.

Untuk maklumat tambahan, boleh berhubung dengan pegawai seperti di bawah :

Muhammad Hazwan Bin Md Jamal di talian 06-3878373 atau emel
bdu@unimel.edu.my

** Pihak UNIMEL berhak untuk menolak mana-mana atau semua cadangan dan berunding syarat-syarat dengan firma yang dipilih. Pihak UNIMEL berbesar hati untuk menerima cadangan dan bekerjasama untuk meningkatkan pengurusan padang bola sepak dan kompleks sukan UNIMEL.*